



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
HOSPITAL PAKAR SULTANAH FATIMAH, MUAR

MEMO BAHAGIAN PENGURUSAN

Ruj. Fail: HPSF98/02/170 JLD 25 (4)

Tarikh: 09 April 2025

Perkara	PEMAKLUMAN PEMANJANGAN KELULUSAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK FI PENGAMAL BERDAFTAR PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU SEKTOR AWAM KEPADA PEGAWAI GRED 8 DAN KE BAWAH DAN TUNTUTAN RESIT TAHUN 2022, 2023 DAN 2024 SERTA PEMAKLUMAN BERKENAAN KADAR BAYARAN BALIK BAGI SEMUA GRED BERKELAYAKAN	
Daripada	Pengarah Hospital	Salinan : - Timbalan Pengarah (Perubatan) - Penolong Pengarah Kanan
Kepada	Semua Ketua Jabatan & Unit	

YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat KKM no. rujukan KKM. 400-3/5/5 (2) bertarikh 6 Mac 2025 seperti di lampiran adalah berkaitan.

- Untuk makluman, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah meluluskan permohonan rayuan **bayaran balik fi pengamal berdaftar profesion kesihatan bersekutu sektor awam** di dalam Akta 774 bagi pegawai Gred 8 dan ke bawah.
- Tuntutan bayaran balik fi pengamal ini layak dibayar kepada profesion seperti di Jadual 1, **Lampiran 2**. Perincian bayaran balik yang diluluskan kepada pegawai Gred 8 dan ke bawah dan pegawai Gred 9 dan ke atas adalah seperti berikut :

Bil	Perkara	Kadar (RM)
1	Bayaran pengeluaran perakuan pendaftaran pengamal (sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan)	100.00/ seorang
2	Bayaran pengeluaran sijil/ perakuan amalan (sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan)	200.00/ seorang
3	Bayaran pembaharuan sijil/ perakuan amalan (setiap 2 tahun)	200.00/ seorang

4. Sehubungan itu, pegawai yang berkeelayakan diminta diminta mematuhi syarat seperti berikut :

4.1 **Mengemukakan dokumen berikut :**

- 4.1.1 Borang Tuntutan Bayaran Balik Yuran Pengamal Berdaftar bagi Profesion Kesihatan Bersekutu Sektor Awam – **Lampiran 3**. Borang ini juga boleh dimuat turun dari laman sesawang HPSF pada pautan <https://jknjohor.moh.gov.my/hpsf/borang>. Tuntutan perlu dihantar ke Unit Kewangan **PADA / SEBELUM 21 APRIL 2025 (ISNIN)**. **Sebarang tuntutan yang lewat dikemukakan TIDAK AKAN DIPROSES.**
- 4.1.2 Resit asal – sila cap “**Disahkan bahawa perbelanjaan ini adalah perbelanjaan rasmi Kerajaan**”, tandatangan dan cop penuntut; dan
- 4.1.3 Salinan siji/ perakuan - diakui sah oleh Ketua Jabatan/ Unit.

4.2 Tuntutan adalah dibenarkan bagi resit :

- 4.2.1 Pegawai Gred 8 dan ke bawah – resit tahun 2022, 2023 dan 2024.
- 4.2.2 Pegawai Gred 9 dan ke atas – resit tahun 2024 (tahun 2022 dan 2023 telah selesai diproses pada tahun 2023).

5. Adalah dimaklumkan juga bahawa pegawai boleh membuat tuntutan bayaran tuntutan pengamal bagi tahun 2025 dan seterusnya dengan mengemukakan dokumen lengkap pada **tahun semasa**. Tuntutan melangkau tahun tidak akan dipertimbangkan.

6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, YBrs. Dr./ Tuan/ Puan boleh menghubungi **Puan Jamilah Binti Jalil di sambungan 148 atau Puan Indok Marlia Juliana Binti Daeng Amirnuddin di sambungan 169**. Kerjasama YBrs. Dr./ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memastikan memo edaran ini dipanjangkan kepada semua pegawai di bawah seliaan masing - masing untuk tindakan selanjutnya.

Perhatian dan kerjasama YBrs. Dr./ Tuan/ Puan dalam hal ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. FAIROZ AZLIM BIN MUSLIM)

Samb.Tel : 148

Email : pengarah.hpsfmuar@moh.gov.my

© 2025 HPSF Muar. Semua hak reserved.



Ruj. Kami : KKM. 400-3/5/5 (2)
Tarikh : 6 Mac 2025

SENARAI SEPERTI EDARAN


YBhg. Datuk/ Dato' Sri/Dato'/Dato' Indera/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PEMANJANGAN KELULUSAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK FI PENGAMAL BERDAFTAR PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU SEKTOR AWAM KEPADA PEGAWAI GRED 8 DAN KE BAWAH DAN TUNTUTAN RESIT BAGI TAHUN 2022 DAN 2023


Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti sedia maklum, Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 (Akta 774) telah diwartakan pada 18 Februari 2016 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2020. Proses pendaftaran pengamal telah dilaksanakan mulai 1 Julai 2022 secara berperingkat. Akta 774 memberi peruntukan untuk pengamal Profesion Kesihatan Bersekutu yang tersenarai dalam Jadual Kedua Akta 774 berdaftar dan memperoleh sijil/perakuan amalan untuk mengamal dalam bidang kesihatan bersekutu di Malaysia.
3. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah meluluskan permohonan rayuan bayaran balik fi pengamal berdaftar profesion kesihatan bersekutu sektor awam di dalam Akta 774 bagi pegawai Gred 8 dan ke bawah serta bayaran balik resit bagi tahun 2022 dan 2023 melalui surat bertarikh 4 Februari 2025 dengan no. rujukan MOF. 600-37/1/2 Jld. 7 (17). Kelulusan ini adalah pemanjangan kepada kelulusan MOF yang telah diberi pada 14 April 2023 dengan no. rujukan surat: MOF. DS.600-37/1/2 Jld. 4 (18) di mana kelulusan tersebut hanya diberi kepada profesion kesihatan bersekutu Gred 9 dan ke atas.
4. Selaras dengan itu, surat pemakluman ini adalah untuk menambahbaik surat pemakluman yang dikeluarkan oleh Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, Kementerian Kesihatan Malaysia pada 10 November 2023 dengan no. rujukan surat: KKM.600-1/1/1 Jld 12 (84) (**Lampiran 1**).


.....2/-



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 01897

Ruj. Kami: KKM. 400-3/5/5 (2)

5. Kelulusan bayaran balik fi pengamal berdaftar profesion kesihatan bersekutu sektor awam ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- i. pegawai diwajibkan berdaftar dengan badan profesional tersebut serta dapat mengesahkan keperluan tersebut di dalam akta yang berkenaan;
- ii. pendaftaran tersebut adalah perlu supaya pegawai dapat menjalankan tugas hakiki dan tugas rasmi demi kepentingan perkhidmatan;
- iii. Kerajaan hanya menanggung bayaran yuran pengamal berdaftar Profesion Kesihatan Bersekutu bagi pegawai dan penolong pegawai; iaitu **fi pengeluaran perakuan pendaftaran pengamal, fi pengeluaran sijil/perakuan amalan dan fi pembaharuan sijil/perakuan amalan (setiap 2 tahun);**
- iv. bagi fi pengeluaran perakuan pendaftaran pengamal dan fi pengeluaran sijil/perakuan amalan, bayaran adalah sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan;
- v. kemudahan ini diberikan secara tuntutan bayaran balik yang disertakan dengan resit;
- vi. bayaran yuran pengamal berdaftar bagi Profesion Kesihatan Bersekutu adalah menggunakan peruntukkan tahun semasa KKM dan agensi Pegawai Kader dan mematuhi peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa; dan
- vii. permohonan peruntukan tambahan di kementerian dan MOF adalah tidak dipertimbangkan.

6. Oleh yang demikian, semua pusat tanggungjawab (PTJ) dimohon untuk mengambil perhatian dan tindakan kepada perkara seperti berikut:

- i. tuntutan bayaran balik fi pengamal **layak dibayar** kepada profesion seperti Jadual 1 di **Lampiran 2;**
- ii. pemanjangan tuntutan bayaran balik yuran pengamal berdaftar bagi Profesion Kesihatan Bersekutu dibayar kepada pegawai Gred 8 dan ke bawah;
- iii. tuntutan bayaran balik yuran pengamal berdaftar bagi Profesion Kesihatan Bersekutu tahun 2022 kepada pegawai Gred 9 dan ke atas; dan

Ruj. Kami: KKM. 400-3/5/5 (2)

- iv. tuntutan bayaran balik yuran pengamal berdaftar bagi Profesion Kesihatan Bersekutu pada tahun 2022, 2023 dan 2024 kepada pegawai Gred 8 dan ke bawah.

7. Perincian bayaran balik yang diluluskan adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	KADAR (RM)
a.	Tuntutan Bayaran Balik Pengamal Profesion Kesihatan Bersekutu bagi pegawai Gred 8 dan ke bawah dan pegawai Gred 9 dan ke atas	
	i. Bayaran pengeluaran perakuan pendaftaran pengamal (sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan)	RM 100.00/seorang
	ii. Bayaran pengeluaran sijil/perakuan amalan (sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan)	RM 200.00/seorang
	iii. Bayaran pembaharuan sijil/perakuan amalan (setiap 2 tahun)	RM 200.00/seorang
b.	Tuntutan Bayaran Balik Pengamal Profesion Kesihatan Bersekutu bagi resit tahun 2022, 2023 dan 2024	
	i. Resit pegawai Gred 9 dan ke atas untuk tahun 2022	RM 100.00/seorang
	ii. Resit pegawai Gred 8 dan ke bawah bagi tahun 2022, 2023 dan 2024	RM 100.00/seorang

8. Sehubungan itu, PTJ boleh membuat bayaran **tuntutan pengamal bagi tahun 2022, 2023, 2024 dan tahun seterusnya secara bayaran balik yang disertakan dengan resit** mengikut perincian seperti jadual di atas menggunakan peruntukan tahun semasa KKM dan agensi Pegawai Kader. Semua tuntutan bayaran balik yuran pengamal berdaftar Profesion Kesihatan Bersekutu hendaklah menggunakan borang tuntutan seperti di **Lampiran 3**.

Ruj. Kami: KKM. 400-3/5/5 (2)

9. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/ Dato' Sri/Dato'/Dato' Indera/Datin/Tuan/Puan untuk mengambil tindakan sepertimana **Para 5, 6, 7 dan 8** didahului dengan ucapan terima kasih. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu di talian 03-88901011 (samb.161) selaku penyelaras Profesion Kesihatan Bersekutu.

10. Surat edaran ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini ditandatangani. Dengan berkuat kuasanya surat edaran ini, maka surat pemakluman berkenaan tuntutan bayaran balik yuran pengamal berdaftar bagi profesion kesihatan bersekutu sektor awam Kementerian Kesihatan Malaysia dengan no.rujukan:KKM.600-1/1/1 Jld. 12 (84) bertarikh 10 November 2023 adalah **dibatalkan**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(L. MAGESWARY A/P LAPCHMANAN) (MAHPC(DTN)00002)
Pengarah
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k : YBhg. Dato' Sri KSU

YBhg. Datuk Dr. Ketua Pengarah Kesihatan

YBhg. Dato' Sri TKSU (Kewangan)

YBhg. Dato' Indera Dr. TKPK (Perubatan)

YBhg. Datuk Dr TKPK (Kesihatan Awam)

YBhg. Datuk Dr TKPK (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

YBrs. SUB (Bahagian Khidmat Pengurusan)

YBrs. SUB (Kewangan)

YBrs. SUB (Bahagian Pengurusan Latihan)

YBrs. SUB (Akaun)



LAMPIRAN 1



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
 (Ministry of Health Malaysia)
BAHAGIAN SAINS KESIHATAN BERSEKUTU
 (Allied Health Sciences Division)
 ARAS 2, BLOK A, BANGUNAN UTAMA CHANCERY PLACE
 JALAN DIPLOMATIK 2, PRESINT DIPLOMATIK
 PRESINT 15, 62050 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8890 1011

Ruj. Kami : KKM.600-1/1/1 Jld. 12 (89)

Tarikh : 10 November 2023

SENARAI SEPERTI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Dato' Indera/Dato'/Datin Paduka/Datin/Tuan/Puan,


TUNTUTAN BAYARAN BALIK YURAN PENGAMAL BERDAFTAR BAGI PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU SEKTOR AWAM KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah meneliti permohonan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan bersetuju meluluskan Tuntutan Bayaran Balik Yuran Pengamal Berdaftar bagi Profesion Kesihatan Bersekutu Sektor Awam tertakluk (surat kelulusan MOF bertarikh 14 April 2023 dengan no. rujukan: MOF.DS.600-37/1/2 Jld.4(18) seperti di Lampiran 1) kepada syarat-syarat tertentu seperti berikut:

- i. pegawai diwajibkan berdaftar dengan badan profesional tersebut serta dapat mengesahkan keperluan tersebut di dalam akta yang berkenaan;
- ii. pendaftaran tersebut adalah perlu supaya pegawai dapat menjalankan tugas hakiki dan tugas rasmi beliau demi kepentingan perkhidmatan;
- iii. permohonan bagi tuntutan bayaran balik yuran pengamal berdaftar Profesion Kesihatan Bersekutu bagi Penolong Pegawai adalah tidak dipertimbangkan;
- iv. **Kerajaan hanya menanggung bayaran balik yuran pengamal berdaftar Profesion Kesihatan Bersekutu bagi Pegawai iaitu fi pengeluaran perakuan pendaftaran pengamal, fi pengeluaran perakuan amalan dan fi pembaharuan sijil/perakuan amalan (setiap 2 tahun). Bagi fi pengeluaran perakuan pendaftaran pengamal dan fi pengeluaran perakuan amalan bayaran adalah sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan;**
- v. kemudahan ini diberikan secara tuntutan bayaran balik yang disertakan dengan resit; dan

.....2/-



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
 CERT. NO. : QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
 CERT. NO. : QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
 CERT. NO. : MY-QMS 01897

Ruj. Kami : KKM.600-1/1/1 Jld. 12 (84)

- vi. bayaran yuran pengamal berdaftar bagi Profesion Kesihatan Bersekutu adalah menggunakan peruntukan tahun semasa serta tidak melibatkan implikasi kewangan tambahan belanja mengurus KKM dan agensi Pegawai Kader serta mematuhi peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa.
3. Ke arah itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dato' Indera/Dato'/Datin Paduka/Datin/ Tuan/Puan dimohon untuk mengambil perhatian kepada perkara dan tindakan seperti berikut :

- (i) tuntutan bayaran balik fi pengamal **layak dibayar** kepada profesion seperti mana **Lampiran 2**;
- (ii) tuntutan bayaran balik fi pengamal kepada yang layak, hanya **dibenarkan untuk tahun semasa sahaja** yang mana, resit bayaran dan tuntutan bayaran balik juga hendaklah pada tahun yang sama;
- (iii) semua tuntutan tahun 2022 (resit) yang dibuat oleh pegawai adalah **tidak dibenarkan** menuntut bagi tahun 2023 dan tahun selanjutnya. Bagi tujuan ini KKM perlu mendapatkan kelulusan khas dari MOF sekiranya pegawai ingin membuat tuntutan; dan
- (iv) Bayaran balik yuran pengamal berdaftar bagi profesion kesihatan bersekutu sektor awam kepada jawatan Penolong Pegawai (**Gred 40 dan ke bawah**) adalah tidak dipertimbangkan.
4. Perincian bayaran balik yang diluluskan adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Kadar (RM)	Catatan
1.	Bayaran pengeluaran perakuan pendaftaran pengamal	RM100.00	Pengeluaran Perakuan Pendaftaran
2.	Bayaran pengeluaran perakuan amalan	RM200.00	Pengeluaran Perakuan Amalan
3.	Bayaran pembaharuan sijil/perakuan amalan (setiap/setelah 2 tahun)	RM200.00	Pengeluaran Perakuan Amalan

5. Sehubungan itu, PTJ boleh membuat bayaran **tuntutan pengamal bagi tahun 2023 secara bayaran balik** yang disertakan dengan resit dan mengambil kira perincian bayaran seperti jadual di atas. Semua tuntutan bayaran balik yuran pengamal berdaftar Profesion Kesihatan Bersekutu Sektor Awam Kementerian Kesihatan Malaysia hendaklah menggunakan borang tuntutan seperti di **Lampiran 3**.

Ruj. Kami : KKM.600-1/1/1 Jld. 12 (74)

6. Semua pertanyaan dari PTJ mengenai perkara ini hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu selaku Penyelaras Profesion.

7. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dato' Indera/Dato'/Datin Paduka/Datin/ Tuan/Puan untuk mengambil tindakan seperti mana perkara 3 dan 4 didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(FARINA BINTI ZULKERNAIN)
Pengarah
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k : YBhg. Dato' Seri KSU

YBhg. Dato' Sri TKSU (Kewangan)

YBhg. Datuk Ketua Pengarah Kesihatan

YBhg. Dato' TKPK (Perubatan)

YBhg. Datuk TKPK (Kesihatan Awam)

YBhg. Datuk TKPK (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

YBrs. SUB (Bahagian Khidmat Pengurusan)

YBrs. SUB (Kewangan)

YBrs. SUB (Akaun)



LAMPIRAN 2



Jadual 1

Senarai Profesion di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 (Akta 774) yang layak dibayar tuntutan bayaran balik yuran pendaftaran pengamal berdasarkan skim perjawatan di Kementerian Kesihatan Malaysia.

BIL.	PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU	JAWATAN
1.	Ahli Audiologi	i. Pegawai Pemulihan Perubatan (Audiologi)
2.	Ahli Dietetik	i. Pegawai Dietetik
3.	Ahli Entomologi (Kesihatan Awam)	i. Pegawai Sains Kaji Serangga
4.	Ahli Fisioterapi	i. Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisioterapi) ii. Pengajar – Fisioterapi iii. Jurupulih Perubatan (Fisioterapi)
5.	Ahli Fizik Perubatan	i. Pegawai Sains (Fizik)
6.	Ahli Pemakanan	i. Pegawai Sains (Pemakanan)
7.	Ahli Psikologi Klinikal	i. Pegawai Psikologi (Klinikal)
8.	Ahli Radiografi Diagnostik	i. Pegawai Pengimejan (Diagnostik) ii. Pengajar – (Pengimejan Diagnostik) iii. Juru X-ray (Diagnostik)
9.	Ahli Sains Makmal Perubatan	i. Pegawai Sains (Mikrobiologi, Kimia Hayat, Genetik, Biomedikal, Embriologi dan Forensik)
10.	Ahli Terapi Cara Kerja	i. Pegawai Pemulihan Perubatan (Cara Kerja) ii. Pengajar – Cara Kerja

LAMPIRAN 2

		iii. Jurupulih Perubatan (Cara Kerja)
11.	Ahli Terapi Pertuturan-Bahasa	i. Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan)
12.	Ahli Terapi Radiasi	i. Pegawai (Pengimejan Terapi) ii. Pengajar - Pengimejan Terapi iii. Juru X-ray (Terapi)
13.	Juruteknologi Makmal Perubatan	i. Juruteknologi Makmal Perubatan ii. Pengajar - Teknologi Makmal Perubatan
14.	Juruteknologi Pergigian	i. Juruteknologi Pergigian ii. Pengajar - Teknologi Pergigian
15.	Pegawai Kesihatan Persekitaran	i. Pegawai Kesihatan Persekitaran ii. Pengajar – Kesihatan Persekitaran iii. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
16.	Pengawai Pendidikan Kesihatan	i. Pegawai Pendidikan Kesihatan



LAMPIRAN 3



**BORANG TUNTUTAN
BAYARAN BALIK YURAN PENGAMAL BERDAFTAR BAGI
PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU SEKTOR AWAM
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

MAKLUMAT PEGAWAI PEMOHON	
Nama	
No. Kad Pengenalan	
Jawatan	
Gred Jawatan	
No. Rujukan Pendaftaran	
Jabatan/Bahagian	
MAKLUMAT AKAUN BANK PEMOHON	
No. Akaun Bank	
Nama Bank	
MAKLUMAT BADAN PROFESIONAL	
Nama Badan Profesional	Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia (MPKBM)
Salinan Sijil / Perakuan <small>(Sertakan Nombor)</small>	
No. Resit Rasmi	
<i>(Sila lampirkan resit rasmi asal / atau salinan yang telah disahkan sekiranya menggunakan resit cetakan komputer)</i>	
MAKLUMAT TUNTUTAN BAYARAN	
Fi Perakuan Pendaftaran	RM
Fi Sijil/Perakuan Amalan	RM
Fi Pembaharuan Sijil/Perakuan Amalan	RM
Lain-lain	RM
Jumlah	RM

LAMPIRAN 3

PENGAKUAN	
Saya dengan ini mengesahkan bahawa perbelanjaan seperti pada resit yang disertakan adalah sebenarnya yang dilakukan oleh saya.	
Tarikh:	Tandatangan
 (Nama)
KELULUSAN KETUA JABATAN / BAHAGIAN	
Permohonan ini telah disemak dan disahkan bahawa jumlah perbelanjaan yang dilakukan oleh pegawai adalah benar.	
Tarikh:	Tandatangan
 (Nama & Cop Jawatan)
UNTUK KEGUNAAN BAHAGIAN KEWANGAN/PUSAT TANGGUNGJAWAB	
Tarikh terima:	
Dokumen lengkap untuk diproses:	
Penyedia:	